SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

DIPLOMA/STPM/STAM
(KUMPULAN PELAKSANA)

» PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S29

(KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN)

Kekosongan : 17 Simpanan : 17

Syarat Kelayakan :

i - Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

ii - Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

iii - Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Bahasa Melayu :

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Tambahan :

- Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan diploma yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan keperluan syarat skim perkhidmatan.

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada **06 Julai 2020 (Isnin) jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA *ONLINE* DI PORTAL SPA
http://www.spa.gov.my

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-belia-dan-sukan-gred-s29